

09/02/2004

Cara Pak Lah yakinkan rakyat

Dr Azam Rauzan

KETIKA menikmati makan malam bersama isteri dan anak kira-kira jam 9.15 malam Jumaat dua minggu lalu, penulis mendapat panggilan telefon daripada bapa di kampung. Dengan semangat berkobar-kobar, beliau minta penulis menonton siaran "60 Minit Bersama Menteri" di TV1 RTM sambil menyebut: "Abah bangga, Malaysia ada seorang Perdana Menteri yang boleh kupas dan cakap macam Pak Lah ni. Kau kena tengok".

Tanpa membuang masa, penulis bergegas pulang ke rumah dan terus membuka siaran berkenaan serta sempat mengikuti sebahagian akhir ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pelancaran Islam Hadhari (Pengurusan Negara Islam) di Shah Alam, Selangor.

Keesokannya, penulis mendapat pelbagai reaksi daripada rakyat yang berkunjung ke klinik atau yang terserempak di tempat lain, yang menyanjungi cara Pak Lah menyampaikan mesejnya.

"Aku tersentuh hati cara Pak Lah mengolah ayat dan penyampaiannya ketika merasmikan pelancaran Islam Hadhari semalam. Kalau inilah cara Pak Lah, aku pasti semua bangsa Melayu akan bersatu di bawah satu bumbung dalam sedikit masa lagi. Aku nak kau tolong sampaikan perasaan isi hati aku ini melalui kolum kau..," kata Abdullah Yusof, 38, seorang usahawan muda di bidang perakaunan di Johor Bahru.

Sorang pengurus syarikat, K Rajeswaran, 34, yang juga suami kepada pesakit penulis dengan bangga berkata apabila ditanya mengenai persepsi beliau terhadap Pak Lah: "Saya banyak respect dan salute sama Pak Lah. Ini macam punya Perdana Menteri, saya fikir Malaysia akan aman dan maju. Saya tidur juga ada lena kerana anak saya nanti juga akan selamat (terjamin masa depannya). All Malaysians must also say thank you to Tun Mahathir kerana dia yang pilih Pak Lah jadi Perdana Menteri."

Seorang sahabat yang enggan namanya disiarkan, berusia lebih kurang sebaya dengan penulis (40 tahun), seorang jurutera dan kontraktor berwibawa, juga penyokong sebuah parti pembangkang berhujah: "Sebenarnya saya dan ramai lagi kawan-kawan saya dalam Pas amat tertarik dengan cara Pak Lah mengolah rakyat serta mentadbir negara dengan ketelusan dan kepemimpinan cara Islam yang sememangnya menuntut keadilan. Saya pasti Pas tidak akan dapat bertahan lama jika mereka (pemimpin Pas) tidak mengubah cara mereka yang orthodox dan ekstremis dalam perjuangan mereka. Saya yakin Allah akan meredai cara perjuangan Pak Lah memajukan negara dan menyatupadukan orang Melayu".

Ulasan-ulasan itu telah menambahkan lagi rasa tidak puas penulis kerana hanya dapat mengikuti sebahagian saja ucapan berkenaan tanpa dapat mengetahui hujung pangkal ucapannya. Dalam hati kecil, penulis berdoa agar RTM menyiarkan semula siaran berkenaan supaya dapat dihayati oleh penulis dan segenap lapisan rakyat yang terlepas menontonnya tempoh hari.

Terima kasih RTM kerana menayangkan semula ucapan Pak Lah itu Jumaat lalu dan penulis tidak melepaskan peluang menontonnya sejak awal lagi.

Selepas dapat mengikuti keseluruhan ucapan itu, penulis bukan saja dapat mengiyakan apa yang diulas oleh masyarakat tadi, malah menyanjungi pendekatan Pak Lah yang tidak mencederakan sesiapaupun dalam menyampaikan hasrat hatinya membangunkan agama, bangsa dan negara.

Ayat suci al-Quran dipetikinya secara tertib, diungkapkan dengan teratur maknanya dan diterjemahkan bagaimana ia boleh dijadikan penghayatan dalam urusan manusia seharian.

Tafsiran ayat-ayat itu tidak digunakan untuk menyindir atau memperlekeh

sesiapa, apatah lagi menghentam pihak lawan. Pak Lah menggunakan kalimah Allah untuk mengajak rakyat sama-sama sedar, sama-sama membetulkan diri dan sama-sama membangunkan agama, bangsa dan negara, sebagaimana yang sememangnya dituntut dalam ajaran Islam.

Beliau tidak menyalahkan sesiapa, tetapi berucap dengan pendekatan memberi penjelasan mengenai apa yang dituntut oleh Islam terhadap umatnya.

Tidak sekalipun beliau menyentuh mengenai Pas, yang kita tahu sentiasa menyindir dan mengutuk peribadi individu dan pemimpin kerajaan di atas kepentingan politik mereka.

Sesungguhnya, Pak Lah cukup sederhana dalam pendekatannya untuk saling mengingatkan antara pemimpin, pentadbir dan apa juga pekerjaan yang dibuat, supaya realistik dan tidak retorik.

Rasanya, mesej yang beliau sampaikan cukup jelas dan terang mengenai perjuangan Islam, realiti dalam masyarakat, masa depan yang mencabar dan kesungguhan serta iltizam yang perlu ada dalam setiap pekerjaan.

Seharusnya, pendekatan ini diikuti oleh semua pihak termasuk pembangkang, yang sepatutnya berasa malu dengan pendekatan mereka yang tidak henti menghentam selama ini.

Penulis berasa terharu pada satu peringkat dalam ucapannya, Pak Lah sambil memegang dada, ada menyebut bahawa gejala rasuah boleh dihapuskan dengan keikhlasan di kalangan setiap dari kita.

Beliau berhujah tidak perlu undang-undang dan penguatkuasaan jika manusia dapat berjanji kepada Allah tidak mahu terbabit dengan rasuah. Pada penulis, dalam perihal membasmi rasuah ini, kenalah tepuk dada dan tanya hati diri. Apa kata hati itu hak peribadi.

Kalau kita halusi hujah ini, akuilah bahawa jika setiap manusia itu bersih hatinya tidak mahu memberi atau menerima rasuah, maka gejala itu dengan sendirinya tidak berlaku. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Ini bermakna Pak Lah mengajak kita semua supaya mempunyai niat dan dalaman yang bersih. Segala-galanya bermula dari hati kita dan jangan salahkan orang lain kerana menawarkan rasuah atau meminta rasuah.

Berikutan itu, penulis berdoa supaya Pak Lah mendapat pertolongan seluas-luasnya daripada Allah dalam melaksanakan hasratnya membasmi rasuah, termasuk dalam menyusun semula perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pelantikan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM baru-baru ini, menunjukkan kesungguhan beliau untuk membentuk satu pasukan keselamatan yang berwibawa, mantap dan disegani.

Gandingan tokoh pelbagai latar belakang yang menganggotai suruhanjaya khas itu menunjukkan sikap terbuka Pak Lah yang mengetepikan apa juga sentimen demi kebaikan rakyat dan negara.

Pelantikan mereka yang satu ketika pernah menentang atau lantang mengkritik kerajaan, adalah petanda bahawa kepemimpinan sekarang mahukan semua pihak mempunyai peranan masing-masing dan berasa bertanggungjawab membangunkan negara.

Tanggungjawab mereka ini cukup besar dan berat kerana di bahu mereka terpikul harapan menggunung rakyat yang mahu melihat satu perubahan besar dilakukan terhadap perkhidmatan kepolisian.

Sudah terlalu lama imej polis rosak pada mata rakyat dan sudah terlalu banyak aspek keburukan yang bermain di bibir rakyat. Kadang-kadang malu untuk menyebutnya.

Bukan kita mahu menyalahkan polis, tidak sekali mahu memalitkan lumpur yang dibawa oleh segelintir anggotanya kepada seluruh perkhidmatan berkenaan, tetapi bimbang negara akan musnah jika pihak yang menguatkuasakan undang-undang sendiri tidak patuh pada undang-undang.

Sebab itu, penulis berharap suruhanjaya khas yang diberi tanggungjawab

penting ini, supaya menjalankan tugas mereka bukan sekadar secara rujukan di atas kertas atau kajian terhadap dokumen, tetapi perlu meluas dan terperinci terhadap realiti dalam perkhidmatan kepolisian.

Contohnya, kalau dikesan berlaku budaya `ufti' akuilah, kalau ada `sistem bayaran bulanan' jangan diselindungi, kalau kehidupan pegawai melampaui kemampuannya, jangan dijustifikasikan. `Budaya' ini harus dihapuskan demi mengembalikan maruah PDRM pada kaca mata rakyat.

Kita bukan mahu mencari salah atau menghukum sesiapa, tetapi kita perlu akui kewujudan masalah dan mengesan puncunya, supaya langkah mengatasinya dan mencegahnya boleh diambil.

Maka, penulis ingin mencadangkan supaya suruhanjaya khas ini dengan cara dan kaedah mereka, dapat turun ke bawah melalui forum-forum tertutup menemui masyarakat, rakyat dan anggota bawahan, dalam menjejak akar kepada masalah ini.

Sempena 100 hari Pak Lah menerajui negara semalam, penulis tertarik dan ingin mengakhiri kolum ini dengan komen bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga bekas Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam dalam tulisan Jamhariah Jaafar di keluaran khas Berita Harian mengenai kepemimpinan Pak Lah memerangi politik wang dalam Umno. Katanya:

"...Apa yang berlaku selama ini amat serius, terutama membabitkan pemilihan `pemimpin yang sebenarnya tidak berkelayakan' tetapi lebih kepada pengaruh wang dan amalan tidak sihat. Justeru, saya yakin pentadbiran Abdullah akan terus memperhebatkan dan melaksanakan (pembasmian politik wang) tanpa mengira status atau fakta politik, supaya ahli parti dan rakyat akan mempercayai kredibiliti pucuk pimpinan `apa yang dikata akan ditunaikan."

Penulis berdoa dan berharap supaya Pak Lah berjaya melakukannya (membasmi rasuah dan politik wang) demi memartabatkan maruah parti, bangsa, agama dan negara. Seluruh rakyat, kepemimpinan serta ahli Umno di belakangmu Pak Lah.